

## PERUTUSAN PENERUS



### PERMODALAN PASARAN SEKURITI

**RM1.7**

trilion

2017: RM1.9 trilion

### KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI DAN KEPENTINGAN MINORITI

**RM224.0**

juta

2017: RM223.0 juta

### JUMLAH DIVIDEN

**33.6**

sen sesaham

2017: 35.7 sen sesaham

## TAN SRI AMIRSHAM A AZIZ

Pengerusi, **BURSA MALAYSIA BERHAD**

Para Pemegang Saham yang Dihormati,

Bursa Malaysia mencatat prestasi kukuh di dalam persekitaran operasi yang mencabar, disokong oleh pelaksanaan inisiatif-inisiatif strategik pada tahun-tahun sebelum ini dan langkah tersebut telah mengurangkan impak daripada keadaan pasaran yang tidak menentu. Peningkatan penyertaan pelabur runcit dan penerimaan positif terhadap produk baharu merencanakan lagi pasaran, manakala insentif dan inisiatif dagangan baharu membantu meningkatkan kecairan.

### PENYAMPAIAN NILAI DALAM PERSEKITARAN YANG MENCABAR

Tahun 2018 bermula dengan prestasi yang kukuh, lanjutan daripada momentum dari tahun 2017. Sentimen pelabur secara umumnya adalah positif pada separuh pertama tahun 2018 dengan sokongan daripada dagangan teguh dalam pasaran sekuriti. Sentimen menjadi lebih perlahan pada separuh kedua tahun apabila keadaan pasaran semakin tidak menentu disebabkan oleh beberapa perkembangan luar. Berikutan separuh kedua tahun yang lebih mencabar, penanda aras FBMKLCI merosot sebanyak 5.9% kepada 1,690.58 mata manakala permodalan pasaran susut sebanyak 10.8% kepada RM1.7 trilion pada tahun ini.

Meskipun berdepan dengan cabaran, Bursa terus memenuhi komitmennya untuk mewujudkan nilai kepada para pemegang kepentingan kami, sebahagiannya hasil daripada usaha kami pada tahun-tahun sebelumnya untuk membina daya tahan dan kerancangan dalam pasaran kami. Bagi tahun dalam tinjauan, Bursa Malaysia mencatatkan Keuntungan Selepas Cukai dan Kepentingan Minoriti (PATAMI) sebanyak RM224.0 juta, iaitu peningkatan sebanyak 0.4% daripada rekod PATAMI sebelum ini yang dicatatkan setahun lalu. Oleh yang demikian, Lembaga Pengarah dengan sukacitanya mengisytiharkan dividen interim kedua sebanyak 11.6 sen sesaham, menjadikan jumlah dividen bagi tahun 2018, termasuk dividen khas sebanyak 8.0 sen, kepada 33.6 sen sesaham.

## PERUTUSAN PENERUS

### PENINGKATAN EKOSISTEM PASARAN

Pembangunan berterusan ekosistem pasaran kami merupakan keutamaan kepada Bursa Malaysia kerana ia adalah kunci untuk menerokai kelestarian nilai jangka panjang pasaran kami dan mengubah kami menjadi sebuah pasaran maju. Inisiatif-inisiatif untuk meningkatkan ekosistem pasaran kami adalah tertumpu kepada beberapa bahagian penting termasuk mengembangkan rangkaian produk dan perkhidmatan kami, meningkatkan kecairan pasaran dan memperluaskan asas pelabur kami untuk pasaran yang lebih berdaya tahan dan dinamik. Inisiatif-inisiatif ini dibentangkan dengan lebih terperinci di bahagian lain dalam laporan ini dan saya menjemput anda merujuk kepada bahagian yang berkaitan untuk maklumat tambahan.



Senarai terperinci mengenai inisiatif peningkatan pasaran boleh didapati dalam “Operational Review” di muka surat 52 hingga 69.

Satu perkembangan penting yang harus diketengahkan di sini ialah pertumbuhan positif yang dicatatkan dalam penyertaan runcit bagi tahun 2018, disokong oleh inisiatif dan insentif pelabur runcit yang telah kami perkenalkan. Bilangan akaun CDS runcit baharu yang diaktifkan pada tahun ini adalah lebih tinggi daripada yang dijangkakan manakala pelabur runcit mengakhiri tahun sebagai pembeli bersih— buat kali pertama dalam tempoh sedekad. Di samping itu, pelabur runcit mencatat sejarah apabila jumlah ADV Runcit adalah sebanyak RM430 juta bagi tahun ini walaupun berlaku penurunan dalam FBMKLCI. Kami akan memanfaatkan momentum ini dan meneruskan usaha meningkatkan pelabur runcit kami melalui kempen utama kami, “Invest Bursa, Invest in You” sepanjang tahun 2019, yang telah kami tetapkan sebagai Tahun Labur Runcit.



Inisiatif kami untuk menggalakkan penglibatan pelabur runcit dalam pasaran modal boleh didapati di muka surat 56 laporan ini.

### MEMANTAPKAN TADBIR URUS KORPORAT

Bursa Malaysia adalah komited terhadap amalan dan penggalakkan tadbir urus korporat (CG) yang baik bagi meningkatkan kualiti organisasi kami dan PLC kami. CG adalah penting untuk kelestarian pasaran jangka panjang dan ia juga meningkatkan profil pasaran Malaysia di peringkat global. Bagi tujuan ini, kami memberi tumpuan kepada penyampaian bermatlamatkan penggalakkan amalan CG yang baik di samping memastikan organisasi kami sendiri menerajui pasaran melalui teladan.

### TADBIR URUS KORPORAT YANG BAIK MAMPU DILAKSANAKAN DENGAN MEMASTIKAN KETELUSAN DALAM PENDEDAHAN AKTIVITI KORPORAT, DAN KAMI TELAH MEMPERGIAT USAHA UNTUK MENINGKATKAN KUALITI PENDEDAHAN KAMI SENDIRI

Kami percaya bahawa tadbir urus korporat yang baik mampu dilaksanakan dengan memastikan ketelusan dalam pendedahan aktiviti korporat, dan kami telah mempergiat usaha untuk meningkatkan kualiti pendedahan kami sendiri. Laporan bagi tahun 2018 kami melakar satu lagi pencapaian dalam inisiatif kami ke arah Laporan Bersepadu yang telah bermula dengan penerbitan laporan tahunan 2016 kami. Penyediaan laporan ini meletakkan cabaran kepada kami sebagai sebuah organisasi untuk memikirkan secara mendalam mengenai peranan, budaya dan tindakan yang kami ambil bagi menyampaikan komitmen kami kepada semua pemegang kepentingan kami, serta cara kami membentangkan maklumat ini kepada mereka.

#### Meningkatkan Tadbir Urus Korporat dalam PLC kami

Walaupun Bursa Malaysia mempunyai piawaian tertentu mengenai standard CG PLC, kami sedar bahawa PLC harus memperakui dan menerima nilai yang sedia ada dalam pengamalan CG yang baik untuk mendorong mereka secara sukarela menyerapkan prinsip-prinsip CG yang baik dalam organisasi mereka. Pengawalseliaan sendiri yang berkesan dan sejajar dengan prinsip-prinsip CG yang baik merupakan asas penting dalam usaha penggalakkan kami, dan kami menyediakan kaedah dan insentif seperti Dasar Laluan Hijau untuk menggalakkan PLC berusaha ke arah tersebut.



Sila rujuk muka surat 41 di dalam Laporan Kelestarian kami untuk maklumat tambahan mengenai Dasar Laluan Hijau.

Kami juga berbangga untuk melaporkan bahawa ketika Anugerah Tadbir Urus Korporat ASEAN ke-2 anjuran Forum Pasaran Modal ASEAN pada bulan November, bukan sahaja Bursa Malaysia dinamakan antara 3 PLC Terbaik di Malaysia dan antara 5 PLC Terbaik di ASEAN, tetapi juga 13 PLC Malaysia lain tersenarai sebagai 50 PLC Terbaik di ASEAN. Pengiktirafan ini mencerminkan keunggulan Bursa Malaysia di rantau ini sebagai sebuah Bursa yang bertanggungjawab dan PLC teladan serta peningkatan standard tadbir urus korporat dalam kalangan PLC di Malaysia.




## PERUTUSAN Pengerusi

### SUKACITA KAMI MEMAKLUMKAN BAHAWA PIHAK PASARAN TELAH MENUNJUKKAN TINDAK BALAS POSITIF TERHADAP USAHA KAMI DALAM MEMPERJUANGKAN INISIATIF KELESTARIAN, DAN INI DIGAMBARAKAN MELALUI AMALAN-AMALAN LESTARI YANG SEMAKIN BANYAK DITERAPKAN DALAM OPERASI PLC KAMI.

#### MEMBANGUNKAN PASARAN YANG LESTARI

##### Menetapkan Nada Kelestarian


Agenda kelestarian kekal menjadi keutamaan bagi Bursa Malaysia kerana kami mengiktiraf kepentingannya bagi pertumbuhan jangka panjang dan pembangunan organisasi dan pasaran kami. Untuk tujuan ini, kami telah menerapkan satu misi lestari yang kukuh dalam organisasi kami sendiri sejajar dengan lima Prinsip Kelestarian yang dikeluarkan oleh Persekutuan Bursa Dunia. Bursa Malaysia juga mengikut panduan daripada Inisiatif Bursa Saham Lestari (SSE) dan muncul sebagai PLC Malaysia pertama yang secara rasminya menyokong Pasukan Petugas mengenai Pendedahan Kewangan Berkaitan Iklim (TCFD). Di samping itu, kami telah melancarkan Hala Tuju Kelestarian kami pada tahun 2018 sebagai panduan kepada usaha pembangunan inisiatif kelestarian kami pada masa hadapan.


 Sila rujuk muka surat 55 di dalam Laporan Kelestarian kami untuk maklumat tambahan mengenai sokongan kami terhadap TCFD.

Bursa Malaysia merupakan pendokong kuat bagi kepelbagaian jantina di kalangan PLC kami, dan ini dibuktikan dengan perlantikan Cik Chong Chye Neo sebagai pengarah bebas bukan eksekutif baharu pada 21 Disember 2018. Dengan perlantikan beliau, Bursa memenuhi komitmennya untuk mempunyai sekurang-kurangnya 30% daripada komposisi Lembaga Pengarah yang terdiri daripada pengarah wanita. Pengalaman kepimpinan Cik Chong di dalam bidang teknologi maklumat akan menjadi input yang bernilai dalam perbincangan Lembaga Pengarah selaras dengan usaha Bursa Malaysia untuk memperkenalkan beberapa projek pembangunan yang tertumpu kepada teknologi pada masa hadapan.

##### Menerapkan Amalan Kelestarian dalam Komuniti Korporat

Selaku pengawal selia pasaran, kami komited dalam memastikan kelestarian bagi keseluruhan pasaran modal dengan memimpin PLC kami ke arah penerapan amalan lestari. Kami menyokong usaha-usaha kelestarian PLC kami melalui tinjauan tahunan kami mengenai Penyataan Kelestarian mereka dan menyediakan mereka dengan panduan yang diperlukan, iaitu melalui Panduan dan Set Bimbingan Pelaporan Kelestarian yang telah dikemas kini serta portal sesawang dalam talian, BURSASUSTAIN.

 Sila rujuk muka surat 53 di dalam Laporan Kelestarian kami untuk maklumat tambahan mengenai portal sesawang BURSASUSTAIN.

 Sila rujuk muka surat 52 di dalam Laporan Kelestarian kami untuk maklumat tambahan mengenai Set Bimbingan Kelestarian.



Tema kelestarian juga diketengahkan dalam acara tahunan kami, *Bursa Bull Charge* (BBC) 2018, yang mengumpulkan semua pihak pemegang kepentingan kami. Ditandai sebagai “*The Day Marketplace Runs for Others*”, BBC merupakan salah satu cara Bursa Malaysia meneraju pasaran dan menganjurkan usaha bersama dengan peserta pasaran kami untuk meningkatkan kesedaran mengenai matlamat pembangunan di samping mengumpul sumbangan untuk disalurkan kepada badan-badan amal tertentu. Diadakan pada 27 September 2018, acara larian tersebut yang diselenggarakan sebagai sebuah acara inklusif yang bebas karbon, berjaya mengumpul sebanyak RM2.1 juta untuk disalurkan kepada 22 penerima.

Sukacita kami memaklumkan bahawa pihak pasaran telah menunjukkan tindak balas positif terhadap usaha kami dalam memperjuangkan inisiatif kelestarian, dan ini digambarkan melalui amalan-amalan lestari yang semakin banyak diterapkan dalam operasi PLC kami.

## PERUTUSAN Pengerusi

### MEWUJUDKAN NILAI DAN PELUANG MASA DEPAN

Dua tahun akan datang adalah kritikal apabila pelan perniagaan strategik 10 tahun kami menghampiri penghujungnya pada tahun 2020. Untuk mencapai hasil yang diinginkan, kami akan terus giat berusaha dalam aspek-aspek utama Bursa termasuk meningkatkan ekosistem pasaran, memperkukuh tadbir urus korporat dan kelestarian, serta membina keupayaan Bursa Malaysia. Kami juga akan menjadikan pasaran modal kami sejajar dengan standard di peringkat global di samping terus membangunkan ciri-ciri yang unik bagi Bursa Malaysia yang memberi kami kelebihan dalam persaingan dengan rakan bursa yang lain.

Untuk mencapai matlamat ini, kami akan meningkatkan kerjasama kami dengan pengawal selia dan penggiat industri, termasuk Kerajaan Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Bank Negara Malaysia untuk membangunkan dasar dan garis panduan yang memudahkan bagi para pelabur dan penerbit baharu, di samping memperkukuh daya tahan dan kerancakan pasaran modal kami. Oleh kerana pembangunan pasaran modal adalah penting kepada agenda ekonomi negara, kami telah mempergiat usaha untuk meningkatkan penglibatan bersama pembuat keputusan utama dan memastikan peranan kami dalam pembangunan pasaran modal selaras dengan matlamat negara.

Berhubung dengan keupayaan kami, Bursa Malaysia akan memanfaatkan inovasi dan teknologi untuk memodenkan sistem-sistem teras yang merupakan pendokong utama perniagaan kami dalam beberapa tahun akan datang. Di peringkat organisasi, kami terus memacu pembangunan budaya berasaskan data di seluruh organisasi. Inisiatif ini menyumbang secara langsung kepada matlamat kami untuk membina Organisasi Berprestasi Tinggi yang akan merangkumi tenaga kerja dengan kemahiran dan keupayaan yang diperlukan bagi memenuhi objektif misi kritikal dan bersedia memikul peranan kepimpinan utama apabila diperlukan.

Kami juga harus terus berusaha meningkatkan lagi amalan kelestarian di kalangan PLC agar kami mampu menaikkan pasaran Malaysia sebagai destinasi terulung bagi pelaburan lestari dengan reputasi cemerlang bagi tadbir urus korporat.

### SEKALUNG PENGHARGAAN


Bagi pihak Lembaga Pengarah Bursa Malaysia, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Datuk Seri Tajuddin Atan yang meninggalkan kami selepas lapan tahun menerajui Bursa Malaysia sebagai Ketua Pegawai Eksekutif. Beliau telah memainkan peranan penting dalam mengubah pasaran dan menetapkan haluan kami ke arah menjadi pasaran yang maju. Selamat maju jaya kami ucapkan kepada beliau.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada Encik Ghazali bin Haji Darman, yang akan bersara sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif pada 28 Mac 2019.

Kepada para pemegang saham yang dihormati, kami amat menghargai sokongan berterusan mereka, dan tidak lupa pihak Pengurusan dan kakitangan Bursa atas dedikasi dan usaha gigih mereka. Kami juga mengucapkan terima kasih kepada para pengawal selia dan pembuat dasar yang telah memainkan peranan penting dalam meletakkan asas kepada infrastruktur pasaran kami, agar membolehkan kami mencapai matlamat untuk menjadi peneraju pasaran di ASEAN.

Selamat datang kepada pengerusi Bursa Malaysia yang baharu, Datuk Shireen Ann Zaharah Muhiudeen yang menyandang jawatan ini selepas saya mengundurkan diri pada 28 Februari 2019. Selamat datang juga diucapkan kepada Datuk Muhamad Umar Swift yang menyertai kami sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Bursa Malaysia pada 11 Februari 2019. Saya ucapkan selamat maju jaya kepada kedua-duanya, dan saya yakin Datuk Shireen dan Datuk Umar akan meneruskan usaha untuk membawa Bursa ke peringkat yang lebih tinggi lagi.

Saya ingin mengucapkan terima kasih atas sumbangan rakan-rakan saya dalam Lembaga Pengarah atas sokongan mereka selama empat tahun yang lalu. Saya amat bertuah dapat berkhidmat bersama anda dalam Lembaga Pengarah sepanjang tempoh tersebut dan berharap anda akan terus memberi sokongan padu kepada pengerusi dan ketua pegawai eksekutif yang baharu seperti mana yang telah anda berikan kepada saya.



**TAN SRI AMIRSHAM A AZIZ**

Pengerusi